

AMALAN GURU DALAM PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH UNTUK KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

*Teachers' practices in implementing classroom-based assessment for listening
and speaking skills*

*Thilagam Birma¹, Ravindaran Maraya¹, Selvajothi Ramalingam²

¹Jabatan Pengajian India,
Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

²Jabatan Bahasa-bahasa Malaysia dan Linguistik Terapan,
Fakulti Linguistik, Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

*Corresponding author's email: ravindaranm@um.edu.my

Submitted:	Accepted:	Revised:	Published:
21-Dec-2025	07-May-2026	07-Jun-2026	30-Jun-2026

Abstrak

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) diperkenalkan bagi menyokong pembelajaran murid secara berterusan dan holistik, khususnya dalam menilai kemahiran bahasa yang sukar diukur melalui peperiksaan tradisional. Namun demikian, pelaksanaan PBD bagi kemahiran mendengar dan bertutur Bahasa Tamil masih berhadapan dengan pelbagai cabaran berkaitan amalan pentaksiran guru. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka amalan guru Bahasa Tamil dalam melaksanakan PBD bagi kemahiran mendengar dan bertutur di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes penerokaan dengan melibatkan lapan orang guru Bahasa Tamil yang dipilih secara pensampelan bertujuan daripada beberapa SJKT di negeri Kedah. Data dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur dan dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik dengan bantuan perisian ATLAS.ti. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran seperti pemerhatian, soal jawab, rakaman audio dan video, senarai semak serta aktiviti lisan bagi menilai kemahiran mendengar dan bertutur murid. Walau bagaimanapun, kaedah pemerhatian didapati paling dominan digunakan, manakala penggunaan instrumen pentaksiran yang sistematik seperti rubrik dan deskriptor prestasi masih terhad. Kajian turut mendapati bahawa guru berhadapan dengan kekurangan instrumen pentaksiran khusus, bahan sokongan Bahasa Tamil serta sumber digital yang sesuai untuk melaksanakan pentaksiran autentik. Dapatan ini menunjukkan bahawa pelaksanaan PBD bagi kemahiran mendengar dan bertutur masih bergantung kepada pertimbangan profesional guru dan kurang disokong oleh instrumen yang standard. Kajian ini mencadangkan agar pembangunan bank instrumen pentaksiran Bahasa Tamil, penyediaan bahan digital autentik serta latihan profesional yang berterusan diberi perhatian bagi memperkukuh pelaksanaan PBD secara lebih sistematik, objektif dan berkesan.

Kata kunci: Pentaksiran Bilik Darjah, Bahasa Tamil, kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, amalan guru, sekolah rendah

Abstract

Classroom-Based Assessment (CBA) was introduced to support continuous and holistic learning, particularly in assessing language skills that are difficult to measure through traditional examinations. However, the implementation of CBA for Tamil

listening and speaking skills continues to face various challenges related to teachers' assessment practices. Therefore, this study aimed to explore Tamil language teachers' practices in implementing CBA for listening and speaking skills in National-Type Tamil Primary Schools (SJKT). A qualitative exploratory case study design was employed, involving eight Tamil-language teachers selected through purposive sampling from several SJKT schools in Kedah, Malaysia. Data were collected through semi-structured interviews and analysed using thematic analysis with the support of ATLAS.ti software. The findings revealed that teachers employed various assessment approaches, including observation, questioning, audio and video recordings, checklists, and oral activities to assess students' listening and speaking skills. Nevertheless, observation emerged as the dominant assessment method, while the use of systematic assessment instruments, such as rubrics and performance descriptors, remained limited. The study further found that teachers faced challenges related to the lack of specialised assessment instruments, limited Tamil language support materials, and insufficient digital resources for conducting authentic assessments. These findings indicate that the implementation of CBA for listening and speaking skills is still largely dependent on teachers' professional judgement and is insufficiently supported by standardised assessment tools. The study recommends the development of a Tamil language assessment instrument bank, the provision of authentic digital learning resources, and continuous professional development programmes to strengthen the implementation of CBA in a more systematic, objective, and effective manner.

Keywords: Classroom-Based Assessment, Tamil Language, Listening Skills, Speaking Skills, Teacher Practices, Primary Education

1.0 PENGENALAN

Transformasi sistem pentaksiran pendidikan di Malaysia telah mengalami perubahan yang signifikan sejak pelaksanaan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) pada tahun 2017 yang memansuhkan pendekatan peperiksaan berorientasikan ujian pertengahan dan akhir tahun. Sebagai gantinya, Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) diperkenalkan sebagai satu pendekatan pentaksiran berasaskan tahap penguasaan murid daripada Tahap Penguasaan Satu hingga Enam yang memberi tumpuan kepada perkembangan pembelajaran secara berterusan (Mustaqim Roslan, 2024). Pendekatan ini menandakan peralihan daripada budaya pentaksiran yang berfokus kepada pencapaian akademik semata-mata kepada pentaksiran yang lebih autentik, holistik dan berpusatkan perkembangan murid secara menyeluruh (Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM, 2018).

Perubahan ini selaras dengan keperluan pendidikan abad ke-21 yang menuntut penguasaan pelbagai kemahiran komunikasi, pemikiran kritis dan pembelajaran sepanjang hayat. Dalam konteks pendidikan bahasa, kemahiran mendengar dan bertutur merupakan asas kepada pembangunan kompetensi komunikasi yang berkesan kerana kedua-dua kemahiran ini menjadi medium utama untuk memperoleh, memproses dan menyampaikan maklumat. Menurut Ariyanti (2016), kemahiran mendengar dan bertutur merupakan kemahiran yang paling penting dan sering dinilai dalam situasi dunia sebenar kerana kemahiran tersebut mencerminkan keupayaan individu untuk menggunakan bahasa secara autentik dalam pelbagai konteks sosial dan akademik. Oleh itu, penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur tidak seharusnya dilihat sebagai pelengkap kepada kemahiran membaca dan menulis; sebaliknya, perlu diberikan penekanan yang setara dalam proses pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran bahasa.

Sehubungan itu, pelaksanaan PBD memainkan peranan yang amat penting dalam menilai perkembangan kemahiran lisan murid secara berterusan dan

kontekstual. Melalui PBD, guru dapat mengumpul maklumat tentang tahap penguasaan murid melalui pelbagai kaedah pentaksiran seperti pemerhatian, soal jawab, tugas, kuiz dan aktiviti lisan yang dijalankan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran. Pentaksiran formatif yang dilaksanakan secara berterusan membolehkan guru mengenal pasti kekuatan dan kelemahan murid serta merancang intervensi yang sesuai untuk meningkatkan pembelajaran mereka. Pada masa yang sama, pentaksiran sumatif yang dijalankan pada akhir sesuatu topik atau penggal turut membantu menilai keberkesanan pengajaran serta tahap penguasaan murid secara keseluruhan (Hariatul Hafidzah et al., 2021). Oleh itu, keberkesanan pelaksanaan PBD bergantung kepada keupayaan guru untuk merancang, melaksanakan dan mentafsir pentaksiran secara sistematik dan bermaklumat.

Justeru, dalam konteks pelaksanaan PBD, guru merupakan agen utama yang bertanggungjawab memastikan pentaksiran dilaksanakan selaras dengan kehendak kurikulum dan standard yang ditetapkan. Guru bukan sahaja perlu merancang pengajaran dan pentaksiran berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), malah perlu menilai, merekod dan mentafsir pencapaian murid secara sistematik supaya maklumat yang diperolehi dapat digunakan untuk menambah baik proses pengajaran dan pembelajaran (KPM, 2019). Tambahan pula, penjaminan kualiti pelaksanaan PBD yang melibatkan pemantauan oleh pelbagai peringkat pengurusan pendidikan dan sekolah amat bergantung kepada keupayaan guru melaksanakan pentaksiran secara telus, profesional dan berintegriti (KPM, 2014).

Selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menekankan pembangunan insan secara menyeluruh dari aspek intelek, jasmani, emosi dan rohani, guru perlu memastikan pelaksanaan pengajaran dan pentaksiran mengambil kira kepelbagaian latar belakang, keperluan dan kebolehan murid. Guru perlu memahami minat, kesediaan dan gaya pembelajaran murid sebelum merancang pengalaman pembelajaran yang bermakna (Nurul Huda & Anuar, 2022; Danial Ariff, 2020). Pendekatan ini turut disokong oleh Faezah dan Zamri (2023) yang menegaskan bahawa perbezaan individu perlu diberi perhatian dalam perancangan pengajaran dan pentaksiran. Malah, aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025 turut menekankan peranan guru sebagai pemudah cara yang mampu mewujudkan persekitaran pembelajaran yang berpusatkan murid melalui penggunaan pedagogi dan pentaksiran yang berkesan (KPM, 2013; KPM, 2017).

Walau bagaimanapun, pelaksanaan PBD bagi kemahiran mendengar dan bertutur dalam mata pelajaran Bahasa Tamil masih berhadapan dengan pelbagai cabaran. Kajian Kausalya dan Faridah (2022) menunjukkan bahawa kepekaan guru terhadap keperluan murid serta keupayaan menyediakan bahan bantu mengajar yang sesuai merupakan faktor penting yang mempengaruhi keberkesanan pentaksiran. Selain itu, dapatan Khasturi (2022) menunjukkan bahawa murid menghadapi kesukaran untuk menyuarakan pendapat dalam Bahasa Tamil akibat penguasaan kosa kata yang terhad. Situasi ini turut disokong oleh Peng (2019) yang mendapati bahawa kekurangan penguasaan kosa kata menyebabkan murid kurang yakin dan takut untuk bertutur dalam bahasa sasaran semasa sesi pembelajaran.

Cabaran ini menjadi lebih kompleks apabila kemahiran mendengar dan bertutur sering diberikan perhatian yang lebih rendah berbanding kemahiran bahasa yang lain. Walaupun kemahiran lisan merupakan komponen penting dalam pembelajaran bahasa, guru masih cenderung menggunakan pendekatan tradisional seperti menghafal dialog, mengulang latihan secara mekanikal dan

bersoal jawab secara rutin (Khasturi, 2022). Atika Eli dan Hamidah (2021) turut melaporkan bahawa kemahiran bertutur kurang diberikan penekanan kerana pentaksirannya tidak menyumbang secara langsung kepada pengukuran keseluruhan pencapaian murid di sekolah rendah. Akibatnya, pentaksiran kemahiran lisan sering dilaksanakan secara tidak formal dan kurang sistematik, sekali gus menimbulkan persoalan tentang kesahan dan kebolehpercayaan maklumat pentaksiran yang diperolehi.

Selain itu, guru juga didapati berhadapan dengan kekangan dari segi pengetahuan pedagogi dan pentaksiran dalam melaksanakan pentaksiran bagi pembelajaran yang berkesan. Menurut Ilhavenil dan Sharon Lee (2023), guru masih kurang mahir dalam menggunakan strategi pentaksiran seperti soal jawab yang mampu meningkatkan pembelajaran murid. Sedangkan dalam pembelajaran bahasa, murid perlu diberikan peluang yang mencukupi untuk berkomunikasi melalui aktiviti seperti pembentangan, simulasi dan main peranan bagi meningkatkan kefasihan dan keyakinan berbahasa. Oleh itu, guru perlu menguasai pelbagai kaedah pentaksiran seperti pemerhatian, pembentangan lisan, soal jawab, tugas dan aktiviti autentik bagi mendokumentasikan perkembangan pembelajaran murid secara lebih menyeluruh (Atika Eli & Hamidah, 2021).

Sorotan literatur menunjukkan bahawa kebanyakan kajian terdahulu memberi tumpuan kepada pelaksanaan umum PBD, persepsi guru terhadap pelaksanaan PBD serta cabaran yang dihadapi dalam pengajaran dan pentaksiran kemahiran bahasa. Walaupun pelbagai aspek berkaitan PBD telah diterokai, kajian yang secara khusus meneliti amalan guru Bahasa Tamil dalam melaksanakan PBD bagi kemahiran mendengar dan bertutur masih terhad, khususnya dalam konteks SJKT. Keadaan ini mewujudkan kekurangan bukti empirikal tentang bagaimana guru merancang, melaksanakan dan mentaksir kemahiran lisan dalam situasi bilik darjah sebenar.

Tambahan lagi, kebanyakan kajian terdahulu lebih tertumpu kepada aspek dasar, persepsi atau cabaran pelaksanaan PBD secara umum berbanding amalan pentaksiran yang sebenar bagi kemahiran mendengar dan bertutur. Sesungguhnya, kedua-dua kemahiran ini merupakan komponen asas dalam pembelajaran bahasa yang memerlukan pendekatan pentaksiran yang autentik, berterusan dan berasaskan prestasi. Kekurangan kajian yang memfokuskan kepada amalan guru Bahasa Tamil dalam konteks ini menyebabkan pemahaman tentang realiti pelaksanaan PBD bagi kemahiran lisan masih belum jelas. Oleh itu, terdapat keperluan untuk meneroka secara lebih mendalam amalan guru Bahasa Tamil dalam melaksanakan PBD bagi kemahiran mendengar dan bertutur bagi menghasilkan bukti empirikal yang dapat menyokong penambahbaikan amalan pentaksiran serta pembangunan profesional guru dalam konteks pendidikan Bahasa Tamil.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka amalan guru Bahasa Tamil dalam melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah bagi kemahiran mendengar dan bertutur di SJKT. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang pelaksanaan sebenar PBD dalam konteks kemahiran lisan, mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh guru, serta menyediakan bukti empirikal yang boleh digunakan sebagai asas untuk memperkukuh latihan profesional, pembangunan instrumen pentaksiran dan penambahbaikan amalan pedagogi Bahasa Tamil di sekolah rendah.

2.0 SOROTAN LITERATUR

Sorotan literatur merupakan komponen penting dalam sesebuah kajian kerana membantu penyelidik memahami perkembangan pengetahuan sedia ada

berkaitan topik yang dikaji serta mengenal pasti jurang penyelidikan yang masih memerlukan penerokaan lanjut. Dalam konteks kajian ini, sorotan literatur memberi tumpuan kepada amalan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dalam kalangan guru bahasa dan pentaksiran kemahiran mendengar serta bertutur. Perbincangan ini bertujuan menjelaskan konsep, amalan semasa, cabaran pelaksanaan serta kepentingan pentaksiran kemahiran lisan sebagai asas kepada pembentukan kerangka konseptual dan hala tuju kajian.

2.1 Amalan PBD dalam Kalangan Guru Bahasa

Perubahan dasar pentaksiran melalui pengenalan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dan PBD menandakan satu transformasi besar dalam sistem pendidikan negara, selaras dengan aspirasi FPK. Matlamat utama PBD bukan hanya untuk menilai tahap pencapaian murid secara akademik, tetapi untuk membantu murid berkembang secara menyeluruh dalam aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani (Miftahuljanah & Mohd Effendi, 2020). Dalam proses PdPc guru merupakan pelaksana utama yang berperanan penting dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan PBD di bilik darjah (Zamri & Anita, 2020; BPK, 2016).

Justeru, pelaksanaan PBD menjadi lebih mencabar dan signifikan kerana Bahasa Tamil merupakan bahasa ibunda yang diajar kepada semua murid di SJKT. Kemahiran asas seperti mendengar dan bertutur, yang menjadi tumpuan dalam penguasaan awal bahasa, memerlukan kaedah pentaksiran yang bersifat autentik, kontekstual dan reflektif terhadap perkembangan sebenar murid. Namun begitu, dalam amalan pengajaran semasa, kemahiran mendengar sering kali tidak diberi penekanan setara dengan kemahiran lain seperti membaca dan menulis (Abidah & Dahlia, 2025).

PBD memberi ruang kepada guru Bahasa Tamil untuk menyesuaikan kaedah pentaksiran mengikut konteks bilik darjah masing-masing. Hal ini penting memandangkan murid Tamil di Malaysia mempunyai latar belakang linguistik yang pelbagai; ada yang bertutur Bahasa Tamil di rumah, dan ada juga yang hanya terdedah kepada bahasa tersebut di sekolah. Oleh itu, pentaksiran yang dijalankan secara berterusan melalui interaksi harian seperti aktiviti perbualan, soal jawab, bercerita dan lakonan amat penting untuk mengesan pertumbuhan kemahiran lisan murid secara semula jadi.

Namun begitu, kajian-kajian sebelum ini menunjukkan bahawa pelaksanaan PBD dalam kalangan guru masih berhadapan dengan pelbagai cabaran. Antaranya termasuk kekangan masa, beban tugas bukan akademik, kekurangan latihan profesional dalam membina instrumen pentaksiran autentik, dan tahap kefahaman yang berbeza-beza terhadap konsep PBD (Sh. Siti Hauzimah, 2019; Zahari et al., 2020; Kalai Selvan, 2020). Bagi guru Bahasa Tamil, cabaran ini turut merangkumi kekangan bahan bantu mengajar dalam bahasa Tamil dan kekurangan sumber digital yang sesuai untuk melaksanakan aktiviti pentaksiran secara interaktif.

Meskipun demikian, guru Bahasa Tamil yang mempunyai kesedaran profesional dan kefahaman yang baik terhadap PBD dapat memanfaatkan pentaksiran sebagai peluang untuk memperkukuh pedagogi mereka. Seperti yang dinyatakan oleh Mark (2018), PBD bukan sahaja menilai murid, malah membantu guru mengenal pasti kelebihan dan kelemahan mereka dalam PdP. Ini bermakna, maklumat yang diperolehi daripada pentaksiran boleh dimanfaatkan oleh guru Bahasa Tamil untuk merancang pengajaran seterusnya yang lebih bersesuaian dengan tahap keupayaan murid.

Kajian Nor Azizah et al. (2020) turut menyokong bahawa pentaksiran yang dijalankan secara sistematik dan berterusan dapat memberi impak yang besar terhadap peningkatan kualiti pengajaran. Dalam konteks ini, guru Bahasa Tamil

bukan sekadar penilai tetapi juga pembimbing yang memanfaatkan maklum balas pentaksiran untuk membentuk intervensi pengajaran yang lebih berfokus dan inklusif, terutama dalam membangunkan kecekapan bertutur dan kefahaman lisan murid. Oleh itu, PBD dalam pendidikan Bahasa Tamil harus dilihat bukan hanya sebagai suatu keperluan dasar, tetapi sebagai satu amalan reflektif yang memperkasakan guru dan murid.

2.2 Pentaksiran Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Kemahiran mendengar dan bertutur merupakan komponen asas dalam pemerolehan dan pembelajaran bahasa kerana kedua-duanya membentuk asas kepada perkembangan kemahiran komunikasi, interaksi sosial dan pembinaan makna. Dalam pembelajaran bahasa, kemahiran mendengar berfungsi sebagai kemahiran reseptif yang membolehkan murid menerima, mentafsir dan memahami maklumat, manakala kemahiran bertutur merupakan kemahiran produktif yang membolehkan murid menyampaikan idea, pendapat dan maklumat secara berkesan. Kedua-dua kemahiran ini saling melengkapi dan berlaku secara serentak dalam situasi komunikasi sebenar. Oleh itu, pentaksiran kemahiran mendengar dan bertutur perlu dilaksanakan secara bersepadu bagi menggambarkan keupayaan bahasa murid secara autentik dan menyeluruh.

Sesungguhnya, dalam PdP Bahasa, pentaksiran kemahiran mendengar dan bertutur tidak seharusnya tertumpu kepada pengukuran hasil pembelajaran semata-mata, tetapi perlu berfungsi sebagai mekanisme untuk menyokong pembelajaran murid secara berterusan. Pendekatan ini selaras dengan konsep Assessment for Learning (AfL), Assessment as Learning (AaL) dan Assessment of Learning (AoL), yang menekankan penggunaan maklumat pentaksiran untuk meningkatkan pembelajaran dan perkembangan murid. Kajian Slamet et al. (2024) menunjukkan bahawa pendekatan AfL memberikan kesan yang lebih signifikan terhadap peningkatan kemahiran bertutur berbanding pendekatan pentaksiran tradisional kerana murid menerima maklum balas secara berterusan dan berpeluang memperbaiki prestasi mereka sepanjang proses pembelajaran.

Walaupun demikian, pentaksiran kemahiran mendengar dan bertutur merupakan antara aspek yang paling mencabar dalam pendidikan bahasa. Berbeza dengan kemahiran membaca dan menulis yang boleh dinilai melalui instrumen bertulis yang standard, kemahiran lisan memerlukan guru menilai prestasi murid secara langsung dalam situasi komunikasi yang dinamik. Menurut Goh (2025), pentaksiran kemahiran mendengar yang autentik perlu mengambil kira konteks komunikasi sebenar dan bukan sekadar mengukur keupayaan murid untuk menjawab soalan kefahaman secara mekanikal. Dapatan ini turut disokong oleh kajian yang menunjukkan bahawa pentaksiran kemahiran lisan yang berkesan perlu melibatkan interaksi dua hala yang membolehkan murid menunjukkan keupayaan mendengar secara aktif serta memberi respons yang bermakna.

Justeru, dalam amalan bilik darjah, pelbagai kaedah boleh digunakan untuk mentaksir kemahiran mendengar dan bertutur, antaranya pemerhatian, soal jawab, perbualan, pembentangan lisan, simulasi, main peranan, bercerita dan rakaman audio atau video. Kaedah-kaedah ini membolehkan guru memperoleh evidens pembelajaran secara autentik dan berterusan. UNESCO (2024) turut menegaskan bahawa pentaksiran kemahiran lisan perlu dilaksanakan melalui aktiviti yang mencerminkan penggunaan bahasa dalam situasi sebenar supaya tahap penguasaan murid dapat dikenal pasti dengan lebih tepat. Oleh itu, penggunaan pelbagai instrumen dan sumber evidens adalah penting bagi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan pentaksiran kemahiran lisan.

Walau bagaimanapun, pelbagai kajian menunjukkan bahawa guru masih berhadapan dengan cabaran dalam melaksanakan pentaksiran kemahiran mendengar dan bertutur secara sistematik. Kajian Halimah Jamil (2023) mendapati bahawa guru cenderung menggunakan pemerhatian tidak formal sebagai kaedah utama pentaksiran lisan kerana lebih mudah dilaksanakan dalam keadaan bilik darjah yang mempunyai bilangan murid yang ramai. Namun demikian, pendekatan ini sering menimbulkan isu kesahan dan kebolehpercayaan kerana keputusan pentaksiran banyak bergantung kepada pertimbangan subjektif guru. Kajian lain turut melaporkan bahawa guru menghadapi kesukaran dalam membina rubrik, mentafsir standard prestasi serta merekod evidens pembelajaran secara konsisten.

Berdasarkan sorotan literatur, jelas bahawa pentaksiran kemahiran mendengar dan bertutur memainkan peranan penting dalam pembangunan kompetensi komunikasi murid. Namun demikian, pelaksanaannya masih berhadapan dengan pelbagai cabaran berkaitan kesediaan guru, pembinaan instrumen, penggunaan rubrik dan pengurusan evidens pentaksiran. Dalam konteks pendidikan Bahasa Tamil, kekangan ini dijangka lebih ketara memandangkan kajian berkaitan pentaksiran kemahiran lisan Bahasa Tamil masih terhad. Oleh itu, terdapat keperluan untuk meneroka dengan lebih mendalam amalan guru Bahasa Tamil dalam melaksanakan PBD bagi kemahiran mendengar dan bertutur, serta memahami realiti pelaksanaannya dalam konteks bilik darjah sebenar.

3.0 PERNYATAAN MASALAH

Selaras dengan aspirasi FPK, PBD diperkenalkan untuk menyokong pembangunan murid secara menyeluruh merangkumi aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani, di samping menyediakan maklumat yang bermakna bagi meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran (Miftahuljanah & Mohd Effendi, 2020). Lantaran itu, guru berperanan sebagai pelaksana utama yang bertanggungjawab merancang, melaksanakan dan mentafsir pentaksiran bagi memastikan maklumat yang diperolehi dapat digunakan untuk menyokong perkembangan pembelajaran murid (Zamri & Anita, 2020; BPK, 2016).

Walau bagaimanapun, pelaksanaan PBD di bilik darjah masih berhadapan dengan pelbagai cabaran yang menimbulkan jurang antara hasrat dasar dan amalan sebenar. Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa guru sering menghadapi kesukaran dalam melaksanakan pentaksiran autentik secara konsisten akibat kekangan masa, beban tugas, tuntutan dokumentasi serta kekurangan latihan profesional berkaitan dengan pentaksiran (Sh. Siti Hauzimah, 2019; Zahari et al., 2020; Kalai Selvan, 2020). Keadaan ini menunjukkan bahawa keberkesanan PBD bukan sahaja bergantung kepada dasar yang diperkenalkan, tetapi turut dipengaruhi oleh tahap literasi pentaksiran, kompetensi pedagogi dan sokongan profesional yang diterima oleh guru.

Isu ini menjadi lebih signifikan dalam konteks pendidikan Bahasa Tamil di SJKT kerana pelaksanaan PBD melibatkan pentaksiran kemahiran mendengar dan bertutur yang bersifat dinamik, kontekstual dan sukar diukur melalui pendekatan pentaksiran tradisional. Sebagai kemahiran asas dalam pemerolehan bahasa, kemahiran mendengar dan bertutur memerlukan pentaksiran autentik, berasaskan prestasi, dan dilaksanakan dalam situasi komunikasi sebenar. Namun demikian, kajian menunjukkan bahawa kemahiran mendengar dan bertutur masih kurang diberikan penekanan berbanding kemahiran membaca dan menulis dalam amalan pengajaran bahasa (Abidah & Dahlia, 2025). Keadaan ini menimbulkan persoalan

tentang sejauh mana PBD benar-benar dilaksanakan untuk menilai perkembangan kemahiran lisan murid secara menyeluruh dan berterusan.

Selain itu, kepelbagaian latar belakang linguistik murid di SJKT turut menambahkan kerumitan dalam pelaksanaan pentaksiran kemahiran lisan. Sebahagian murid menggunakan Bahasa Tamil sebagai bahasa komunikasi utama di rumah, manakala sebahagian yang lain hanya terdedah kepada bahasa tersebut di sekolah. Perbezaan tahap penguasaan bahasa ini menuntut guru melaksanakan pentaksiran yang fleksibel dan responsif terhadap keperluan pembelajaran murid. Walau bagaimanapun, keberkesanan pentaksiran tersebut amat bergantung kepada keupayaan guru membangunkan dan menggunakan instrumen pentaksiran yang sah, boleh dipercayai dan sesuai dengan konteks pembelajaran murid.

Kajian terdahulu turut menunjukkan bahawa amalan pentaksiran guru masih banyak bergantung pada pemerhatian tidak formal dan pertimbangan profesional guru tanpa disokong oleh instrumen pentaksiran yang sistematik seperti rubrik, senarai semak atau deskriptor prestasi yang jelas (Faezah & Zamri, 2023; Mustaqim Roslan, 2024). Situasi ini berpotensi menimbulkan isu kesahan dan kebolehppercayaan pentaksiran kerana keputusan yang dibuat banyak dipengaruhi oleh pertimbangan subjektif guru. Justeru, dalam konteks Bahasa Tamil, cabaran ini menjadi lebih ketara apabila guru turut berhadapan dengan kekurangan bahan bantu mengajar, instrumen pentaksiran dan sumber digital yang sesuai untuk menyokong pelaksanaan PBD. Kekurangan sumber tersebut bukan sahaja mengehadkan peluang guru melaksanakan pentaksiran autentik, malah boleh menjejaskan ketepatan penilaian terhadap penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur murid.

Walaupun pelbagai cabaran berkaitan PBD telah dilaporkan dalam kajian terdahulu, kebanyakan kajian lebih tertumpu kepada pelaksanaan PBD secara umum, persepsi guru atau cabaran pentaksiran dalam konteks pendidikan yang lebih luas. Kajian yang secara khusus meneliti amalan guru Bahasa Tamil dalam melaksanakan PBD bagi kemahiran mendengar dan bertutur masih terhad, khususnya dalam konteks SJKT. Kekurangan bukti empirikal ini menyebabkan pemahaman tentang realiti pelaksanaan pentaksiran kemahiran lisan dalam pendidikan Bahasa Tamil masih belum jelas. Oleh itu, terdapat keperluan untuk meneroka secara mendalam amalan guru Bahasa Tamil dalam melaksanakan PBD bagi kemahiran mendengar dan bertutur bagi mengenal pasti kekuatan, cabaran serta keperluan sebenar dalam pelaksanaannya. Dapatan kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada usaha memperkukuh amalan pentaksiran guru serta menyokong pelaksanaan PBD yang lebih sistematik, autentik dan berkesan.

4.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk kajian kes penerokaan bagi memahami secara mendalam amalan guru Bahasa Tamil dalam melaksanakan PBD bagi kemahiran mendengar dan bertutur. Menurut Merriam (2009), kajian kes kualitatif sesuai digunakan untuk meneroka sesuatu fenomena dalam konteks sebenar serta membolehkan penyelidik memperoleh pemahaman yang mendalam terhadap pengalaman dan amalan peserta kajian.

Seramai lapan orang guru Bahasa Tamil dari SJKT di negeri Kedah dipilih sebagai peserta kajian menggunakan kaedah pensampelan bertujuan (purposive sampling). Pemilihan peserta dibuat berdasarkan beberapa kriteria, iaitu mempunyai pengalaman mengajar Bahasa Tamil di sekolah rendah, terlibat secara langsung dalam pelaksanaan PBD bagi kemahiran mendengar dan bertutur, serta berupaya memberikan maklumat yang kaya dan relevan berkaitan fokus kajian. Bilangan

peserta dianggap memadai apabila data yang diperoleh mencapai ketepuan (data saturation), iaitu tiada lagi maklumat baharu muncul daripada sesi temu bual yang dijalankan.

Data kajian dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur yang dijalankan secara individu dengan setiap peserta. Kaedah ini dipilih kerana memberikan fleksibiliti kepada penyelidik untuk meneroka pengalaman, amalan dan pandangan peserta secara mendalam berkaitan pelaksanaan PBD dalam bilik darjah (Robson, 2011). Protokol temu bual dibangunkan berdasarkan objektif kajian dan sorotan literatur berkaitan pentaksiran kemahiran mendengar dan bertutur. Setiap sesi temu bual direkodkan dengan kebenaran peserta dan ditranskripsikan secara verbatim untuk tujuan analisis.

Bagi memastikan kredibiliti dan ketepatan data, kaedah semakan ahli (member checking) dilaksanakan dengan memberikan semula transkrip temu bual kepada peserta untuk disemak dan disahkan (Bogdan & Biklen, 2003). Selain itu, penyelidik turut menyediakan catatan lapangan sepanjang proses pengumpulan data bagi membantu proses interpretasi dan meningkatkan ketelusan kajian.

Data temu bual dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik dengan bantuan perisian ATLAS.ti. Proses analisis dimulakan dengan membaca transkrip secara berulang bagi memahami keseluruhan data sebelum proses pengkodan dijalankan. Kod-kod yang mempunyai persamaan makna kemudiannya dikelompokkan ke dalam kategori dan seterusnya membentuk tema serta subtema yang berkaitan dengan persoalan kajian. Penggunaan perisian ATLAS.ti membantu penyelidik mengurus, mengorganisasi dan memvisualisasikan hubungan antara kod dan tema secara sistematik, sekaligus meningkatkan ketepatan dan ketelusan proses analisis data. Hasil analisis ini kemudiannya digunakan untuk menjelaskan amalan guru dalam melaksanakan PBD bagi kemahiran mendengar dan bertutur Bahasa Tamil.

5.0 KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN DAPATAN DATA TEMU BUAL

Kajian ini melibatkan lapan orang guru Bahasa Tamil dari SJKT di negeri Kedah yang dipilih berdasarkan pengalaman dan penglibatan mereka dalam pengajaran Bahasa Tamil serta pelaksanaan PBD. Daripada jumlah tersebut, tujuh orang peserta ialah perempuan dan seorang lelaki. Empat peserta merupakan Ketua Panitia Bahasa Tamil, manakala empat lagi ialah guru Bahasa Tamil Tahun Empat dan Tahun Lima. Kesemua peserta mempunyai pengalaman mengajar Bahasa Tamil antara 10 hingga 29 tahun serta pelbagai latar belakang akademik yang berkaitan dengan pendidikan, Bahasa Tamil dan penilaian pendidikan. Kepelbagaian pengalaman dan kelayakan ini membolehkan peserta memberikan pandangan yang mendalam dan relevan berkaitan amalan pelaksanaan PBD bagi kemahiran mendengar dan bertutur. Profil peserta kajian ditunjukkan dalam Jadual 1.0 di bawah;


Jadual 1.0: Profil Peserta Kajian

Kod Peserta Kajian (PK)	Jantina	Jawatan	Kelayakan Akademik Tertinggi	Pengkhususan	Pengalaman Mengajar Mata pelajaran Bahasa Tamil
PK01	Perempuan	Guru Bahasa Tamil Tahun 4 & 5	Ijazah Sarjana Muda	Bahasa Tamil	20 Tahun
PK02	Perempuan	Guru Bahasa Tamil Tahun 5	Ijazah Sarjana	Pengurusan	17 Tahun

PK03	Perempuan	Ketua Panitia Bahasa Tamil	Ijazah Sarjana Muda	Matematik	23 Tahun
PK04	Perempuan	Ketua Panitia Bahasa Tamil	Ijazah Sarjana Muda	Bahasa Tamil	14 Tahun
PK05	Perempuan	Guru Bahasa Tamil Tahun 5	Sijil Perguruan	Bahasa Tamil	29 Tahun
PK06	Lelaki	Ketua Panitia Bahasa Tamil	Ijazah Sarjana	Penilaian Pendidikan	10 Tahun
PK07	Perempuan	Guru Bahasa Tamil Tahun 5	Ijazah Sarjana Muda	Matematik	20 Tahun
PK08	Perempuan	Ketua Panitia Bahasa Tamil	Ijazah Sarjana Muda	Bahasa Tamil	14 Tahun

5.1 Dapatan Proses Pelaksanaan PBD bagi Kemahiran Mendengar dan Bertutur Bahasa Tamil

Analisis data temu bual menggunakan perisian ATLAS.ti menunjukkan bahawa guru Bahasa Tamil melaksanakan pelbagai kaedah pentaksiran dalam PBD bagi menilai kemahiran mendengar dan bertutur murid. Rajah 1.1 dibawah menunjukkan dapatan bagi alat PBD yang kerap digunakan oleh guru bagi kemahiran mendengar dan bertutur Bahasa Tamil.



Rajah 1.1: Graf dapatan alat PBD yang digunakan oleh guru

Berdasarkan dapatan Rajah 4.5 dibawah, analisis menunjukkan bahawa kaedah pemerhatian (n= 7) merupakan kaedah yang paling dominan digunakan oleh guru. Ini diikuti oleh kaedah rakaman audio/video (n= 2), soal jawab (n= 2) dan senarai semak (n= 2). Manakala kaedah lain seperti bercerita (n = 1), pembentangan (n = 1), rekod anekdot (n= 1), aktiviti kumpulan (n= 1) dan ujian lisan (n= 1) mencatatkan penggunaan yang paling minimum dalam kalangan guru.

Dapatan menunjukkan bahawa amalan pentaksiran guru dapat dikategorikan kepada lima tema utama, iaitu kaedah pemerhatian, rakaman audio dan video, soal jawab, senarai semak, serta kaedah pentaksiran lain seperti bercerita, pembentangan, rekod anekdot, aktiviti kumpulan dan ujian lisan.

1. Tema 1: Kaedah Pemerhatian

Dapatan menunjukkan bahawa kaedah pemerhatian merupakan pendekatan yang paling dominan digunakan oleh guru dalam melaksanakan pentaksiran kemahiran mendengar dan bertutur. Analisis ATLAS.ti menunjukkan bahawa tujuh daripada lapan peserta kajian menggunakan pemerhatian sebagai kaedah utama pentaksiran. Antara respons yang diberikan oleh peserta ialah:

“Saya memerhatikan secara teliti bagaimana murid terlibat dalam aktiviti pembelajaran.” (PK01)

“Pentaksiran dilakukan melalui pemerhatian... pentaksiran individu dan kumpulan.” (PK03)

Dapatan ini menunjukkan bahawa guru lebih cenderung menilai prestasi murid secara langsung semasa aktiviti PdPc berlangsung. Pemerhatian membolehkan guru menilai aspek seperti penglibatan murid, penggunaan bahasa, kelancaran pertuturan dan keyakinan semasa berkomunikasi. Pendekatan ini selaras dengan prinsip PBD yang menekankan pentaksiran secara berterusan dalam konteks pembelajaran sebenar.

Walau bagaimanapun, analisis lanjut menunjukkan bahawa kebanyakan guru melaksanakan pemerhatian secara tidak formal tanpa menggunakan instrumen pentaksiran yang sistematik seperti rubrik atau senarai semak yang jelas. Keadaan ini menimbulkan persoalan tentang tahap kesahan dan kebolehpercayaan pentaksiran yang dijalankan. Tanpa kriteria penilaian yang standard, keputusan pentaksiran berpotensi dipengaruhi oleh pertimbangan subjektif guru dan menyebabkan ketidakseragaman dalam penentuan tahap penguasaan murid. Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun pemerhatian merupakan kaedah yang sesuai untuk pentaksiran kemahiran lisan, penggunaannya perlu disokong oleh instrumen yang lebih sistematik bagi memastikan penilaian yang lebih objektif dan konsisten.

2. Tema 2: Rakaman Audio dan Video

Analisis data menunjukkan bahawa hanya dua orang guru menggunakan rakaman audio dan video sebagai evidens pentaksiran.

“Murid diberikan satu topik untuk dirakam sebagai video dan dimuat naik ke DELIMA.” (PK02)

“Rakaman ini digunakan sebagai bukti (evidence).” (PK08)

Penggunaan rakaman audio dan video mencerminkan amalan pentaksiran yang lebih autentik kerana membolehkan prestasi murid didokumentasikan dan dirujuk semula. Kaedah ini berpotensi meningkatkan ketepatan pentaksiran kerana guru dapat menilai prestasi murid secara berulang dan membuat perbandingan perkembangan murid dari semasa ke semasa. Selain itu, rakaman juga menyediakan evidens yang lebih kukuh untuk tujuan moderasi dan dokumentasi pentaksiran.

Namun demikian, penggunaan kaedah ini masih terhad dalam kalangan guru. Dapatan ini menunjukkan bahawa integrasi teknologi dalam pelaksanaan PBD bagi kemahiran mendengar dan bertutur masih berada pada tahap yang rendah. Situasi ini berkemungkinan dipengaruhi oleh faktor kekangan masa, kemudahan teknologi yang terhad serta kurangnya latihan berkaitan penggunaan teknologi sebagai instrumen pentaksiran.

3. Tema 3: Soal Jawab

Kaedah soal jawab dikenal pasti sebagai satu lagi pendekatan yang digunakan oleh guru dalam menilai kemahiran lisan murid.

"Murid ditaksir berdasarkan keupayaan menjawab soalan." (PK02)

"Memberi dua hingga tiga soalan dan melihat bagaimana mereka menjawab."
(PK05)

Dapatan menunjukkan bahawa soal jawab digunakan sebagai mekanisme untuk mendapatkan maklum balas segera terhadap tahap kefahaman dan penguasaan bahasa murid. Kaedah ini membolehkan guru mengenal pasti tahap pemahaman murid secara spontan serta menggalakkan interaksi dua hala semasa proses PdPc.

Walau bagaimanapun, penggunaan soal jawab secara bersendirian didapati kurang mencukupi untuk menilai kemahiran bertutur secara menyeluruh. Pentaksiran yang hanya berasaskan respons ringkas murid tidak mampu menggambarkan keupayaan mereka dalam mengembangkan idea, menyusun hujah dan berkomunikasi secara berkesan dalam situasi sebenar. Oleh itu, kaedah soal jawab perlu digabungkan dengan aktiviti pentaksiran yang lebih autentik bagi memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang penguasaan kemahiran lisan murid.

4. Tema 4: Senarai Semak

Analisis data turut menunjukkan bahawa dua orang guru menggunakan senarai semak sebagai instrumen pentaksiran.

"Saya menggunakan senarai semak." (PK03)

"Saya menyediakan senarai semak mengikut keperluan pelajar." (PK06)

Penggunaan senarai semak menunjukkan usaha guru untuk melaksanakan pentaksiran secara lebih sistematik dan berstruktur. Instrumen ini membantu guru merekod pencapaian murid berdasarkan kriteria tertentu dan mengurangkan kebergantungan kepada pemerhatian semata-mata.

Walau bagaimanapun, penggunaan senarai semak masih terhad dan tidak diamalkan secara meluas. Keadaan ini menunjukkan bahawa pembinaan dan penggunaan instrumen pentaksiran berstruktur masih belum menjadi amalan yang mantap dalam kalangan guru Bahasa Tamil. Tanpa deskriptor prestasi yang jelas, senarai semak hanya mampu menunjukkan sama ada sesuatu kemahiran telah ditunjukkan atau tidak, tetapi kurang berupaya membezakan tahap penguasaan murid secara mendalam.

5. Tema 5: Kaedah Pentaksiran Lain

Selain kaedah utama yang dikenal pasti, beberapa guru turut menggunakan pendekatan lain seperti bercerita, pembentangan, rekod anekdot, aktiviti kumpulan dan ujian lisan. Walau bagaimanapun, penggunaan kaedah-kaedah ini didapati sangat minimum dan hanya diamalkan oleh seorang guru bagi setiap kaedah.

Dapatan ini menunjukkan bahawa guru sebenarnya mempunyai kesedaran terhadap kepelbagaian kaedah pentaksiran yang boleh digunakan untuk menilai kemahiran mendengar dan bertutur. Namun demikian, kaedah yang berpotensi tinggi untuk melaksanakan pentaksiran autentik seperti bercerita, pembentangan dan ujian lisan masih belum dimanfaatkan secara optimum dalam bilik darjah. Situasi

ini menggambarkan wujudnya jurang antara potensi kaedah pentaksiran yang tersedia dengan amalan sebenar yang dilaksanakan oleh guru.

Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa pelaksanaan PBD bagi kemahiran mendengar dan bertutur masih didominasi oleh kaedah pemerhatian tidak formal. Walaupun guru menggunakan pelbagai pendekatan pentaksiran, penggunaan instrumen yang sistematik dan pelbagai masih terhad. Keadaan ini menunjukkan bahawa pelaksanaan pentaksiran kemahiran lisan masih memerlukan penambahbaikan, khususnya dari aspek pembinaan instrumen, penggunaan teknologi, dan pengukuhan literasi pentaksiran guru, bagi memastikan PBD dapat dilaksanakan secara lebih autentik, sistematik dan berkesan.

5.2 Dapatan Data Proses Penyediaan Instrumen PBD bagi Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Penyediaan instrumen pentaksiran merupakan komponen penting dalam pelaksanaan PBD kerana instrumen yang berkualiti membolehkan guru memperoleh maklumat yang tepat tentang tahap penguasaan murid. Justeru, dalam konteks kemahiran mendengar dan bertutur Bahasa Tamil, instrumen pentaksiran yang dibangunkan perlu mampu menilai prestasi murid secara autentik, berterusan dan selaras dengan standard pembelajaran yang ditetapkan dalam DSKP.

Analisis data temu bual menunjukkan bahawa penyediaan instrumen PBD bagi kemahiran mendengar dan bertutur masih merupakan antara cabaran utama yang dihadapi oleh guru Bahasa Tamil. Dapatan menunjukkan bahawa kebanyakan guru tidak menyediakan instrumen pentaksiran khusus, sebaliknya bergantung kepada bahan sedia ada atau menggunakan kaedah pentaksiran tidak formal semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

1. Tema 1: Kekurangan Instrumen Pentaksiran Khusus

Sebahagian besar peserta kajian menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai instrumen pentaksiran yang khusus untuk menilai kemahiran mendengar dan bertutur.

“Tiada instrumen pentaksiran khusus disediakan. Saya menggunakan ujian lisan sebagai kaedah utama untuk menilai pencapaian pelajar.” (PK05)

“Saya tidak menyediakan instrumen pentaksiran khusus. Sebaliknya saya menggunakan kaedah seperti memberikan lima soalan atau peta minda sebagai alat untuk menilai pelajar.” (PK07)

Dapatan ini menunjukkan bahawa pentaksiran kemahiran mendengar dan bertutur masih banyak bergantung kepada pertimbangan profesional guru dan kurang disokong oleh instrumen yang sistematik. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan terhadap ketepatan penilaian kerana ketiadaan instrumen yang jelas boleh menyebabkan pentaksiran dilakukan secara tidak konsisten antara guru dan murid. Dari perspektif PBD, instrumen seperti rubrik, senarai semak dan skala penilaian amat penting bagi memastikan evidens pembelajaran dapat direkod dan ditafsir secara objektif.

2. Tema 2: Kekurangan Bahan Sokongan Pentaksiran Bahasa Tamil

Selain kekurangan instrumen, peserta kajian turut melaporkan kekurangan bahan sokongan yang sesuai untuk melaksanakan pentaksiran kemahiran mendengar dan bertutur.

“Disebabkan kekurangan bahan sokongan yang mencukupi, saya hanya menggunakan buku latihan yang dijual di pasaran sebagai instrumen pentaksiran.” (PK02)

“Instrumen pentaksiran untuk Bahasa Tamil agak terhad. Bahan untuk kemahiran mendengar dan bertutur sangat terhad. Saya hanya menggunakan buku teks.” (PK06)

Dapatan ini menunjukkan bahawa guru berhadapan dengan kekangan sumber yang boleh menyokong pelaksanaan pentaksiran autentik. Kebergantungan kepada buku teks dan buku latihan komersial menggambarkan bahawa guru mempunyai pilihan yang terhad dalam membangunkan aktiviti pentaksiran yang mampu menilai kemahiran lisan secara menyeluruh. Situasi ini juga menunjukkan bahawa pembangunan bahan pentaksiran Bahasa Tamil masih belum berkembang seiring dengan keperluan pelaksanaan PBD yang menekankan kepelbagaian evidens pembelajaran.

3. Tema 3: Kebergantungan kepada Instrumen Pentadbiran Sedia Ada

Seorang peserta kajian menyatakan bahawa pentaksiran banyak bergantung kepada penggunaan Borang Transit yang disediakan oleh pihak sekolah.

“Saya hanya menggunakan Borang Transit sebagai alat pentaksiran. Tiada instrumen pentaksiran baharu yang disediakan selain itu.” (PK08)


Walaupun Borang Transit berfungsi sebagai alat merekod tahap penguasaan murid, instrumen tersebut tidak direka bentuk untuk menilai prestasi kemahiran mendengar dan bertutur secara langsung. Oleh itu, penggunaan Borang Transit semata-mata tidak mencukupi untuk menggambarkan tahap penguasaan sebenar murid dalam kemahiran lisan. Dapatan ini menunjukkan bahawa masih terdapat kekeliruan antara instrumen pentaksiran dan instrumen pelaporan dalam kalangan guru.

Bagi memahami hubungan antara isu-isu yang mempengaruhi penyediaan instrumen PBD bagi kemahiran mendengar dan bertutur Bahasa Tamil, analisis hubungan kod (code co-occurrence analysis) menggunakan perisian ATLAS.ti telah dijalankan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.2 di bawah. Dapatan analisis menunjukkan bahawa isu utama yang mendasari pelaksanaan pentaksiran ialah kekurangan bahan sokongan dan ketiadaan instrumen pentaksiran yang khusus. Kedua-dua faktor ini didapati mempunyai hubungan yang rapat dengan amalan guru yang bergantung kepada bahan sedia ada seperti buku teks, buku latihan komersial, soalan spontan dan Borang Transit sebagai medium pentaksiran.

Analisis hubungan antara kod turut menunjukkan bahawa kekurangan instrumen pentaksiran yang sistematik menyebabkan guru melaksanakan pentaksiran secara tidak formal tanpa penggunaan rubrik, senarai semak atau deskriptor prestasi yang jelas. Keadaan ini mewujudkan hubungan langsung antara ketiadaan instrumen pentaksiran dengan isu kesahan dan kebolehpercayaan pentaksiran yang dilaksanakan. Tanpa instrumen yang standard, proses penilaian banyak bergantung kepada pertimbangan profesional guru, sekali gus meningkatkan risiko berlakunya ketidakkonsistenan dalam pentaksiran antara murid.

Selain itu, rajah ini turut menunjukkan bahawa kekurangan bahan dan instrumen pentaksiran bukan sahaja mempengaruhi proses pentaksiran, malah memberi kesan terhadap keupayaan guru untuk mengumpul evidens pembelajaran yang berkualiti. Situasi ini menyukarkan guru mengenal pasti tahap penguasaan sebenar murid dalam kemahiran mendengar dan bertutur secara berterusan.

Dapatan ini membuktikan bahawa penyediaan instrumen pentaksiran yang berkualiti merupakan elemen kritikal dalam memastikan pelaksanaan PBD dapat dijalankan secara sistematik, autentik dan berkesan.



Rajah 1.2: Code Co-occurrence Network Penyediaan Instrumen Pentaksiran Kemahiran Mendengar dan Bertutur Bahasa Tamil

Secara keseluruhannya, hubungan antara kod yang dipaparkan dalam Rajah 6.4 menggambarkan bahawa isu utama dalam pelaksanaan PBD bagi kemahiran mendengar dan bertutur bukan hanya berpunca daripada amalan pentaksiran guru semata-mata, tetapi turut dipengaruhi oleh kekurangan sumber, bahan dan instrumen pentaksiran yang sesuai. Oleh itu, usaha memperkukuh pelaksanaan PBD perlu memberi tumpuan kepada pembangunan bank instrumen Bahasa Tamil yang standard, latihan profesional berkaitan pembinaan instrumen pentaksiran serta penyediaan bahan sokongan yang lebih komprehensif bagi membantu guru melaksanakan pentaksiran kemahiran lisan secara lebih efektif.

Dapatan ini turut menunjukkan keperluan mendesak untuk memperkukuh kompetensi guru dalam pembinaan instrumen pentaksiran serta menyediakan bank instrumen Bahasa Tamil yang standard dan mudah diakses. Di samping itu, pembangunan bahan pentaksiran yang autentik dan berasaskan prestasi perlu diberi perhatian bagi memastikan pelaksanaan PBD benar-benar dapat menyokong pembelajaran murid dan meningkatkan penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur secara berkesan.

5.3 Dapatan Data Proses Pelaksanaan PBD dalam Kelas

Pelaksanaan PBD bagi kemahiran mendengar dan bertutur menuntut guru melaksanakan pentaksiran secara berterusan, autentik dan berasaskan prestasi sebenar murid. Dalam konteks pembelajaran bahasa, pentaksiran bukan sahaja berfungsi untuk mengukur tahap penguasaan murid, tetapi juga bertindak sebagai mekanisme untuk menyokong pembelajaran melalui maklum balas, refleksi dan tindakan susulan yang bersesuaian. Oleh itu, pelaksanaan PBD yang berkesan memerlukan penggunaan instrumen pentaksiran yang sistematik, kriteria penilaian yang jelas dan pengumpulan evidens pembelajaran yang berterusan.

Analisis data temu bual menunjukkan bahawa pelaksanaan PBD bagi kemahiran mendengar dan bertutur Bahasa Tamil didominasi oleh empat amalan

utama iaitu penggunaan pemerhatian langsung, soal jawab lisan, pemberian peluang komunikasi kepada murid dan pelaksanaan pentaksiran tanpa instrumen khusus. Keempat-empat amalan ini membentuk corak pelaksanaan PBD yang diamalkan oleh guru dalam bilik darjah.

1. Tema 1: Pemerhatian Langsung sebagai Kaedah Utama Pentaksiran

Dapatan menunjukkan bahawa pemerhatian langsung merupakan pendekatan yang paling dominan digunakan oleh guru semasa melaksanakan pentaksiran kemahiran mendengar dan bertutur.

“Untuk pentaksiran, saya menggunakan pendekatan pemerhatian langsung. Saya memerhatikan secara teliti bagaimana murid terlibat dalam aktiviti pembelajaran.” (PK01)

“Saya menggunakan kaedah pemerhatian. Saya akan menilai sama ada pelajar telah mencapai objektif pembelajaran pada hari tersebut melalui pemerhatian langsung.” (PK06)

Dapatan ini menunjukkan bahawa guru lebih selesa menggunakan pemerhatian kerana ia mudah dilaksanakan semasa proses pengajaran berlangsung dan tidak memerlukan penyediaan instrumen tambahan. Melalui pemerhatian, guru dapat menilai tahap penglibatan murid, penggunaan bahasa dan respons terhadap aktiviti pembelajaran secara langsung.

Walau bagaimanapun, kebergantungan yang tinggi terhadap pemerhatian menunjukkan bahawa proses pentaksiran masih bersifat tidak formal dan kurang didokumentasikan secara sistematik. Ketiadaan instrumen yang standard menyebabkan proses pentaksiran banyak bergantung kepada pertimbangan profesional guru, sekali gus meningkatkan risiko subjektiviti dalam penilaian.

2. Tema 2: Soal Jawab dan Respons Lisan

Selain pemerhatian, guru turut menggunakan aktiviti soal jawab untuk menilai kefahaman dan penguasaan murid terhadap kemahiran mendengar dan bertutur.

“Murid dinilai berdasarkan keupayaan mereka menjawab soalan berkaitan bahagian teks.” (PK02)

“Saya menggunakan audio yang terdapat dalam bahagian mendengar dan memberi dua hingga tiga soalan berdasarkan bahagian tersebut dan melihat bagaimana mereka menjawab.” (PK05)

Kaedah soal jawab membolehkan guru memperoleh maklum balas segera tentang tahap pemahaman murid. Pendekatan ini juga memberi peluang kepada murid untuk menunjukkan kebolehan mereka dalam memahami dan memberi respons terhadap maklumat yang diterima.

Namun demikian, dapatan menunjukkan bahawa pentaksiran yang berasaskan soal jawab sahaja tidak mencukupi untuk menilai keseluruhan konstruk kemahiran lisan. Penilaian lebih tertumpu kepada ketepatan jawapan berbanding aspek yang lebih kompleks seperti kelancaran pertuturan, organisasi idea, sebutan, intonasi dan penggunaan kosa kata. Oleh itu, penggunaan soal jawab secara bersendirian berisiko menghasilkan pentaksiran yang bersifat permukaan dan tidak menggambarkan tahap penguasaan sebenar murid.

3. Tema 3: Peluang Komunikasi dan Penyertaan Murid

Dapatan turut menunjukkan bahawa sebahagian guru berusaha menyediakan peluang kepada murid untuk berkomunikasi dan menyampaikan pandangan semasa aktiviti pembelajaran.

“Peluang bercakap diberikan kepada murid secara bergilir supaya setiap murid dapat menyampaikan pendapat mereka.” (PK03)

“Saya akan memerhatikan dengan teliti bagaimana mereka bercakap, termasuk struktur ayat, penggunaan bahasa, kelancaran dan keyakinan mereka.” (PK07)

Amalan ini selaras dengan prinsip pentaksiran autentik yang menekankan penggunaan bahasa dalam situasi sebenar. Aktiviti komunikasi seperti perbincangan, pembentangan dan perkongsian idea membolehkan murid menunjukkan keupayaan bahasa mereka secara lebih semula jadi dan bermakna.

Walau bagaimanapun, walaupun peluang komunikasi diberikan kepada murid, proses pentaksiran masih banyak bergantung kepada pemerhatian guru tanpa penggunaan kriteria penilaian yang jelas. Akibatnya, maklumat yang diperoleh sukar direkodkan secara konsisten dan digunakan untuk tujuan tindakan susulan yang lebih berfokus.

4. Tema 4: Ketiadaan Instrumen Pentaksiran Khusus

Satu dapatan yang paling ketara ialah ketiadaan instrumen pentaksiran khusus dalam pelaksanaan PBD bagi kemahiran mendengar dan bertutur.

“Selain itu, saya tiada instrumen khusus untuk ujian lisan.” (PK05)


“Saya tidak akan menghasilkan alat penilaian yang khusus secara berasingan untuk tujuan ini.” (PK08)

Dapatan ini menunjukkan bahawa kebanyakan guru tidak menyediakan rubrik, senarai semak atau instrumen pentaksiran yang khusus untuk menilai kemahiran lisan murid. Situasi ini menimbulkan implikasi yang signifikan terhadap kesahan dan kebolehpercayaan pentaksiran kerana keputusan yang dibuat banyak bergantung kepada pemerhatian dan interpretasi individu guru.

Secara kritikal, ketiadaan instrumen pentaksiran bukan sahaja menjejaskan ketepatan penilaian, malah menghadkan fungsi PBD sebagai alat untuk menyokong pembelajaran secara formatif. Tanpa evidens yang sistematik, guru menghadapi kesukaran untuk mengenal pasti kelemahan murid secara spesifik, merancang intervensi yang sesuai dan memantau perkembangan murid secara berterusan.

Rajah 1.3 di bawah menunjukkan hubungan antara kod-kod utama yang dikenal pasti dalam pelaksanaan PBD bagi kemahiran mendengar dan bertutur Bahasa Tamil. Analisis hubungan kod menunjukkan bahawa amalan pemerhatian langsung dan soal jawab merupakan pendekatan yang paling dominan digunakan oleh guru dalam proses pentaksiran. Walaupun kedua-dua pendekatan ini menyediakan peluang kepada murid untuk berkomunikasi dan menunjukkan penguasaan bahasa mereka, pelaksanaannya didapati banyak bergantung kepada pentaksiran tidak formal tanpa penggunaan instrumen yang sistematik. Ketiadaan rubrik dan instrumen pentaksiran khusus mewujudkan hubungan langsung dengan isu kesahan dan kebolehpercayaan pentaksiran, sekali gus menyukarkan guru mengenal pasti tahap penguasaan sebenar murid secara konsisten dan

berterusan. Dapatan ini menunjukkan bahawa cabaran utama pelaksanaan PBD bukan terletak pada aktiviti pentaksiran yang dijalankan, tetapi pada ketiadaan mekanisme penilaian yang standard untuk menyokong proses pentaksiran tersebut.



Rajah 1.3: Code Co-occurrence Network Pelaksanaan PBD dalam Kelas

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan PBD bagi kemahiran mendengar dan bertutur Bahasa Tamil masih didominasi oleh amalan pentaksiran tidak formal yang berasaskan pemerhatian dan soal jawab. Walaupun guru berusaha memberikan peluang kepada murid untuk berkomunikasi secara aktif, ketiadaan instrumen pentaksiran yang sistematik menyebabkan proses pentaksiran kurang berstruktur dan sukar menghasilkan evidens pembelajaran yang berkualiti. Dapatan ini menunjukkan keperluan untuk memperkukuh literasi pentaksiran guru melalui latihan profesional, pembangunan rubrik standard, dan penyediaan instrumen pentaksiran yang khusus bagi menyokong pelaksanaan PBD yang lebih autentik, sistematik, dan berkesan.

6.0 KESIMPULAN

Kajian ini bertujuan untuk meneroka amalan guru Bahasa Tamil dalam melaksanakan PBD bagi kemahiran mendengar dan bertutur di SJKT. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru melaksanakan pelbagai strategi pengajaran yang berpusatkan murid seperti perbincangan kumpulan, lakonan, simulasi, bercerita dan soal jawab bagi menggalakkan penglibatan aktif murid dalam pembelajaran bahasa. Dapatan ini selari dengan pandangan Ariyanti (2016) yang menegaskan bahawa kemahiran

mendengar dan bertutur dapat diperkembangkan dengan lebih berkesan melalui aktiviti komunikasi yang autentik dan interaktif.

Walaupun bagaimanapun, kajian ini mendapati bahawa pelaksanaan PBD bagi kemahiran mendengar dan bertutur masih berhadapan dengan beberapa kekangan yang ketara. Antaranya ialah kebergantungan guru kepada kaedah pemerhatian dan soal jawab secara tidak formal, penggunaan instrumen pentaksiran yang terhad serta kekurangan bahan sokongan yang khusus untuk Bahasa Tamil. Keadaan ini menunjukkan bahawa pentaksiran kemahiran lisan masih banyak bergantung kepada pertimbangan profesional guru dan kurang disokong oleh instrumen yang sistematik seperti rubrik, senarai semak dan deskriptor prestasi yang jelas. Dapatan ini mengukuhkan kajian terdahulu yang melaporkan bahawa guru masih menghadapi cabaran dalam aspek literasi pentaksiran, pembinaan instrumen serta pelaksanaan pentaksiran autentik dalam bilik darjah (Sh. Siti Hauzimah, 2019; Zahari et al., 2020; Kalai Selvan, 2020).

Selain itu, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa kekurangan bahan bantu mengajar dan sumber pentaksiran yang sesuai telah membataskan keupayaan guru untuk melaksanakan pentaksiran yang lebih autentik dan bermakna. Guru didapati masih bergantung kepada buku teks dan bahan sedia ada untuk menyokong proses pengajaran dan pentaksiran. Situasi ini secara tidak langsung mengehadkan peluang murid untuk terlibat dalam aktiviti komunikasi yang pelbagai serta menjejaskan keberkesanan pentaksiran dalam mengukur penguasaan sebenar kemahiran mendengar dan bertutur. Dapatan ini selari dengan pandangan Anusia & Muniisvaran (2024); Kausalya dan Faridah (2022) yang menegaskan bahawa keberkesanan pelaksanaan PBD sangat bergantung kepada kesesuaian bahan dan sumber yang digunakan oleh guru.

Secara kritikal, kajian ini menunjukkan bahawa masih wujud jurang antara aspirasi PBD sebagai pentaksiran formatif yang berterusan dan holistik dengan amalan sebenar yang berlaku dalam bilik darjah. Walaupun guru menunjukkan kesedaran terhadap kepentingan kemahiran mendengar dan bertutur dalam pembelajaran Bahasa Tamil, pelaksanaan pentaksiran masih belum dilaksanakan secara menyeluruh dan sistematik. Keadaan ini menunjukkan bahawa kejayaan pelaksanaan PBD memerlukan sokongan yang lebih komprehensif melalui pembangunan profesional guru, peningkatan literasi pentaksiran serta penyediaan instrumen dan bahan pentaksiran yang bersesuaian dengan konteks pembelajaran Bahasa Tamil.

Kajian ini menyumbang kepada pengembangan pengetahuan berkaitan amalan PBD dalam pendidikan Bahasa Tamil dengan menyediakan bukti empirikal tentang realiti pelaksanaan PBD di peringkat sekolah rendah. Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan agar pihak berkepentingan memberi perhatian terhadap pembangunan bank instrumen pentaksiran Bahasa Tamil, penyediaan bahan pembelajaran digital yang autentik serta latihan profesional yang berterusan bagi memperkukuh kompetensi guru dalam melaksanakan pentaksiran kemahiran mendengar dan bertutur secara lebih sistematik, objektif dan berkesan.

7.0 PENGHARGAAN

Terima kasih kepada peserta kajian, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah dan pensyarah penyelia yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

8.0 KEWANGAN

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan.

9.0 KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan dalam kajian dan penerbitan ini.

10.0 SUMBANGAN PENULIS

Penulis pertama bertanggungjawab terhadap reka bentuk kajian, pengumpulan data, analisis data dan penulisan manuskrip. Penulis kedua menyumbang kepada penyeliaan kajian, semakan kritikal kandungan akademik serta penambahbaikan manuskrip. Penulis ketiga menyumbang kepada semakan metodologi, interpretasi dapatan dan penyemakan akhir manuskrip. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip untuk penerbitan.

11.0 RUJUKAN

- Abdullah, N., Mohamed Noh, N., Mansor, R., Mohamed Hashim, A. T., & Kung Teck, W. (2015). Penilaian pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dalam kalangan Guru Sains. *Jurnal Pendidikan Sains Dan Matematik Malaysia*, 5(1), 89-102. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPSMM/article/view/2145>
- Anusia, K., & Muniisvaran, K. (2024). Tamil language teachers' teaching practices for factual type essays in Tamil national type schools in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 13(1). <https://doi.org/10.6007/IJARPED/v13-i1/20028>
- Ariyanti, A. (2016). Psychological factors affecting EFL students' speaking performance. *ASIAN TEFL Journal of Language Teaching and Applied Linguistics*, 1(1), 91-102. <https://doi.org/10.21462/asianteftl.v1i1.14>
- Arsaythamby, V., Hariharan, N.K. & Ruzlan M.A.(2015). Teachers' knowledge and readiness towards implementation of school based assessment in secondary schools. *Canadian Center of Science and Education. International Educations Studies*, 8 (11): 193-203. <https://doi.org/10.5539/ies.v8n11p193>
- Arumugham, K. S. (2020). Kurikulum, pengajaran dan pentaksiran dari perspektif pelaksanaan pentaksiran bilik darjah. *Asian People Journal (APJ)*, 3(1), 152-161. <https://doi.org/10.37231/apj.2020.3.1.175>
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2016). Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Sekolah. Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. <https://lp.moe.gov.my/files/pbs/menengah/2.%20PANDUAN%20PELAKSANAAN%20PENTAKSIRAN%20BILIK%20DARJAH%20EDISI%20%202%20-%202019.pdf>
- Biesta, G. (2015). What is education for? On Good education, teacher judgement, and educational professionalism. *European Journal of Education*. <https://doi.org/10.1111/ejed.12109>
- Black, P., & Wiliam, D. (2010). Inside the black box: Raising standards through classroom assessment. *Phi Delta Kappan*. <https://doi.org/10.1177/003172171009200119>

- Bogdan, R.C. & Biklen, S. K. (2003). *Qualitative Research Of Education An Introductive To Theories And Methods* (4th ed.). Boston: Allyn and Bacon. <https://www.scirp.org/reference/referencespapers?referenceid=1407738>
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan: Kaedah penyelidikan*. Buku 1. Kuala Lumpur: McGraw Hill Education. <https://www.scirp.org/%28S%28czeh2tfqyw2orz553k1w0r45%29%29/reference/referencespapers?referenceid=2840454>
- Dixson, D. D., & Worrell, F. C. (2016). *Formative and Summative Assessment in the classroom. Theory into Practice*. <https://doi.org/10.1080/00405841.2016.1148989>
- Eli, A., & Yamat, H. (2021, December). A preliminary Study On Classroom-Based Assessment For English Speaking Performance Among Year 5 Pupils In An Urban School. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 3(4), 45–51. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijares/article/view/16660>
- Gunasekaran, K., & Ilangkumaran, S. (2025). Pengetahuan, sikap dan kesediaan penguasaan teknologi maklumat dan komunikasi bagi murid tahun tiga yang menghadapi masalah dalam penguasaan literasi membaca Bahasa Tamil. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(1), 112–124. <https://doi.org/10.33306/mjssh/311>
- Hamimah, A. N., & Talib, R. (2014). Cabaran pentaksiran berasaskan sekolah (PBS): Dilema guru. In *Prosiding Seminar Antarabangsa Kelestarian Insan 2014* (pp. 230–242). Batu Pahat, Johor: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. file:///C:/Users/User/Downloads/CabaranPBS_DilemaGuruInsan20141.pdf
- Ilhavenil, N., & Lee Leh Hong, S. (2023). Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dalam kalangan guru pra perkhidmatan IPG Kampus Ilmu Khas. *Jurnal Penyelidikan TEMPAWAN*, 3, Artikel 23. <https://doi.org/10.61374/temp03.23>
- Ilhavenil, N., Wan Husin, W. N. F., Arumugam M Pillay, L., & Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2021). Pembinaan dan pengesahan instrumen kajian pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah tahap satu: Satu analisis faktor. *Jurnal Kurikulum, Bahagian Pembangunan Kurikulum*, 6, 43–55. https://www.researchgate.net/publication/366928356_Pembinaan_Dan_Pengesahan_Instrumen_Kajian_Pelaksanaan_Pentaksiran_Bilik_Darjah_Tahap_Satu_Analisis_Faktor
- Kausalya Gopala Pilai & Faridah Mydin Kuty. (2022). Sikap Guru Bahasa Melayu dalam Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), e001522. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1522>.
- Khamis, S., & Selamat, A. (2019). The use of feedback in the classroom assessment: A case study. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 8(3), 325–334. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARPED/v8-i3/6426>
- Khory, H. H. M., Abdul Rahman, M. N., & Zailaini, M. A. Z. (2021). Pengurusan pentaksiran bilik darjah mata pelajaran Bahasa Arab berasaskan keperluan pembelajaran murid. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan (JuPiDi)*, 8(2), 41–57. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUPIDI/article/view/29946>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia. https://www.pmo.gov.my/wp-content/uploads/2019/07/Pelan-Pembangunan-Pendidikan-2013_2025.pdf
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2014). *Panduan Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah*, Lembaga Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia.

- https://lp.moe.gov.my/files/penerbitan/2014/Panduan_Pengurusan_PBS_21_April_2014_2.pdf
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2017). Standard kualiti pendidikan Malaysia gelombang 2 (SKPMG2). Putrajaya, Malaysia: Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti. <https://asiemodel.net/wp-content/uploads/2021/10/Rujukan1-Panduan-Rubrik-SKPMg2-KPM-.pdf>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah. Kementerian Pendidikan Malaysia (Vol. 1). <https://lamanbahasa.wordpress.com/wp-content/uploads/2020/11/2-panduan-pelaksanaan-pentaksiran-bilik-darjah-2018.pdf>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). Panduan Pelaksanaan Bilik Darjah Edisi Ke-2. Kementerian Pendidikan Malaysia. <https://lp.moe.gov.my/files/pbs/menengah/2.%20PANDUAN%20PELAKSANAAN%20PENTAKSIRAN%20BILIK%20DARJAH%20EDISI%20%202%20-%202019.pdf>
- Marikar, A. B. K. A., & Janan, D. (2025). Keberkesanan model pengajaran kemahiran mendengar terhadap pelajar Bahasa Melayu (Program Khas) di Singapura. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 10(4), Article e003384. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v10i4.3384>
- Mark, W. (2018). Making measurement important for education: The crucial role of classroom assessment. *Educational Measurement: Issues and Practice*, 37(1), 5-20. <https://doi.org/10.1111/emip.12188>
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. San Francisco, CA: Jossey-Bass. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Miftahuljanah Kamaruddin & Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore. (2020). Kualiti pertimbangan profesional guru dan penerapan IB Learner Profile berdasarkan amalan pentaksiran dalam Middle Years Programme International Baccalaureate. *Proceeding Malaysia International Convention on Education Research & Management*, pp.34-44. file:///C:/Users/User/Downloads/MIFTAHULJANAHMICER_132.pdf
- Misbah, N. H., Mohamad, M., Yunus, M. M., & Ya'acob, A. (2017). Identifying the Factors Contributing to Students' Difficulties in the English Language Learning. *Creative Education*, 8, 1999–2008. <https://doi.org/10.4236/ce.2017.813136>
- Noraini Idris (2013). *Pedagogi dalam Pendidikan Matematik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Nor Azizah Atan, Zaharah Mohamad, Norasyikin Yaacob & Norshila Shafie. (2020). Amalan pentaksiran bilik darjah bagi pentaksiran autentik dalam kalangan guru sekolah rendah. *Proceedings of International Conference on The Future of Education*, pp. 184-196. Institute of Teacher Education Tuanku Bainun Campus, Penang. <https://doi.org/10.61374/temp06.21>
- Nurul Huda Mohd Faudzi & Anuar Ahmad. 2022. Kesediaan guru sejarah melaksanakan pentaksiran bilik darjah dalam pengajaran dan pembelajaran. *International Conference on Business Studies and Education*, 3-14. <file:///C:/Users/User/Downloads/367-675-1-SM.pdf>
- Peng, C. F. (2019). Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan (Evaluation of Tamil Language Curriculum Implementation in National Schools). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44(02), 41–52. <https://doi.org/10.17576/jpen-2019-44.02-05>
- Ramalingam, K., Yeo, K. J., & Adnan, N. I. (2022). Challenges in the teaching of speaking skills in Tamil subject among the Indian students at the national primary school. *International Journal of Practices in Teaching and Learning (IJPTL)*, 2(1). file:///C:/Users/User/Downloads/IJPTL_203.pdf

- Roslan, M. M. (2024). Kaedah Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan kesannya kepada murid Tahap Satu: Analisis subjek Pendidikan Islam. *UMRAN – International Journal of Islamic and Civilizational Studies*.
<https://doi.org/10.11113/umran2024.11n1.678>
- Saliman, F., & Mahamod, Z. (2023). Amalan guru Bahasa Melayu di sekolah kurang murid dalam melaksanakan dan melaporkan Pentaksiran Bilik Darjah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Retrieved from <https://spaj.ukm.my/jpbm>
- Sh. Siti Hauzimah Wan Omar. (2019). Pengetahuan, kemahiran, sikap, dan masalah guru dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah bahasa Melayu di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9 (1): 56-67.
<https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/viewFile/195/160>
- Suseela & Sim Kwan Hoon. (2010). Teacher perspectives of school-based assessment in a secondary school in Kuala Lumpur, *Procedia Social and Behavioral Sciences* 9: 1170-1176. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2010.12.302>
- Tan Ai Mei (2010) Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di Malaysia. Kesediaan Guru, Isu dan Panduan Pelaksanaan. *Gerak Budaya Enterprise*, Kuala Lumpur.
- Zahari Suppian, Nor Hasnida Che Md Ghazali, Nor Junainah Mohd Isa & Govindasamy, P. (2020). Penilaian Kendiri Guru Pelatih Terhadap Tahap Kemahiran Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(4), 98-106.
<file:///C:/Users/User/Downloads/Artikel.pdf>
- Zamri Mahamod & Anita Abdul Rahman. (2020). *Profesion Keguruan dan Pembangunan Insan*. Bangi.